

04/03/1998

Melaka teruskan projek tanam pokok

MELAKA, Selasa - Kerajaan negeri akan meneruskan projek penanaman pokok dalam usaha menghidupkan bandar ini walaupun sasaran menanam 20,000 batang pokok sudah dicapai pada tahun lalu.

Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin, berkata pada tahun lalu, kerajaan negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berjaya menanam 25,000 batang pokok dan akan berusaha menanam 100,000 batang pokok lagi menjelang tahun 2000.

Katanya, usaha itu selaras kempen yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tahun lalu yang menggalakkan setiap sektor kerajaan dan swasta, menanam pokok di merata tempat.

Kempen menanam pokok yang dilancarkan itu sebenarnya bertujuan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara taman menjelang tahun 2005.

"Jika pembangunan fizikal dan lanskap tidak diseimbangkan, keseluruhan kawasan yang dimajukan akan menjadi hutan batu," katanya sewaktu melancarkan kempen menanam pokok peringkat negeri di sini.

Turut hadir majlis itu ialah Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Mo'min Abdul Aziz dan Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Datuk Wira Gan Boon Leong.

(END)